

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan Terhadap Unsur Kesopanan Dalam Sociolinguistik Melayu

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Overview On The Sense Of Politeness According To Malay Sociolinguistic Context

Nasimah Abdullah¹, Lubna Abd. Rahman² & Norfazila Ab. Hamid³

ABSTRAK

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman merupakan satu terjemahan makna al-Quran ke Bahasa Melayu yang dihasilkan oleh Syeikh Abdullah Basmeih. Terjemahan beliau telah diulang cetak beberapa kali dan yang terakhir adalah pada tahun 2013. Terjemahan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya di Malaysia ekoran cara terjemahan makna yang menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh pembaca. Penulisan ini akan mengkaji cara terjemahan Kata Ganti Nama Diri Arab ke Bahasa Melayu dengan memilih beberapa ayat al-Quran yang mengandungi dialog antara anak dan ayah dengan tujuan melihat kesesuaian cara terjemahan tersebut dengan konteks dan sociolinguistik Melayu yang mementingkan unsur kesopanan dalam berinteraksi. Kajian ini adalah kajian perpustakaan dan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif ini menjurus kepada analisis teks iaitu "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran". Berdasarkan dua belas (12) data yang dikaji, Syeikh Abdullah Basmeih tidak konsisten dalam meraikan unsur kesopanan dalam konteks sociolinguistik Melayu. Ini kerana terdapat sebahagian cara terjemahan adalah sesuai dengan konteks sociolinguistik masyarakat Melayu walaupun terjemahannya secara harfiah adalah tidak sepadan. Manakala di sebahagian tempat yang lain cara terjemahan adalah tidak sesuai dengan konteks sociolinguistik masyarakat Melayu kerana penggunaan kata ganti nama tertentu menggambarkan ketidaksopanan dalam konteks interaksi antara seorang anak dan ayah walaupun padanan terjemahannya adalah sesuai.

Kata kunci: *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman; kesopanan; kata ganti nama diri.*

ABSTRACT

Tafsir Pimpinan A-Rahman is a translation of the Quran into Malay Language by Abdullah Basmeih. It has been reprinted several times and the most recent was in 2013. It receives an encouraging and positive response by the Malay community, especially in Malaysia because it uses simple language and it is easily understood by readers. This paper studies the translation of personal pronouns from Arabic to Malay language in selected Quranic verses

¹ Dr. Nasimah Abdullah, Ph.d in Arabic Linguistic Studies (IIUM), MA in Teaching Arabic As Second Language (IIUM), BA in Human Sciences (Arabic Language & Literature)(IIUM). Senior Lecturer of Faculty of Islamic Studies and Civilisation, International Islamic University College Selangor (KUIS). Email: nasimah@kuis.edu.my.

² Dr. Lubna Abd. Rahman, Ph.d in Arabic Linguistic Studies (IIUM), MA in Arabic Linguistics (IIUM), BA in Human Sciences (Arabic Language & Literature)(IIUM). Senior Lecturer of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Email: lubna@usim.edu.my.

³ Dr. Norfazila Ab. Hamid, Ph.d in Linguistic Studies (UKM), MA in Linguistics Studies (UKM), BA in Linguistic and Malay Literature (UKM). Senior Lecturer of International Islamic University College Selangor (KUIS). Email: norfazila@kuis.edu.my.

which contain conversations among family members, specifically between father and son. This is to investigate the appropriateness of the translation in light of the Malay sociolinguistic context which puts its emphasis on politeness. This paper, which is a library-based study, adopted the qualitative research approach using document analysis method to analyse "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran" to address the topic concerned. From the study, it is found that there is inconsistency in the translation of the pronouns by Syekh Abdullah Basmeih. This indicates that the sense of politeness according to Malay sociolinguistic context is taken into account by the translator in some places even though the word to word translation is not accurate. On the other hand, there are some translations of the pronouns which appear accurate but are actually inappropriate as they lack politeness between father and son as seen from the Malay sociolinguistic context.

Keywords: *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman; politeness; pronouns.*

Pendahuluan

Antara terjemahan makna al-Quran yang mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya Malaysia adalah "*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*". Terjemahan ini telah diusahakan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Pada awalnya beliau telah menerbitkan jilid pertama dalam tulisan Jawi yang mengandungi 10 juzuk al-Qur'an sahaja pada tahun 1968. Kemudian menyusul pula jilid kedua pada tahun 1970 dan jilid ketiga pada tahun 1972 dalam tulisan Jawi. Cetakan pertama dalam tulisan Rumi adalah pada tahun 1980 di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mengandungi 30 juzuk al-Quran ke Bahasa Melayu. Terjemahan beliau diulang cetak beberapa kali iaitu pada tahun 1982, 1985, 1987, 1988, 1992, 1995, 1998, 1999, 2000, 2001, 2010 dan cetakan terakhir iaitu kali ke 22 adalah pada tahun 2013. Hasil terjemahan beliau telah disemak oleh Tuan Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim bekas Mufti Kerajaan Negeri Kelantan.

Dari segi cara terjemahan makna, Ismail Yusoff (1995) mengatakan bahawa Sheikh Abdullah Basmeih telah menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca, di samping dibuat penjelasan pada nota kaki bagi menjelaskan mana-mana ayat yang perlu diberi penjelasan. Sumbangan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* terhadap terjemahan makna al-Quran ke Bahasa Melayu adalah amat besar kerana terjemahan tersebut dijadikan bahan kajian oleh para penyelidik terutamanya berkaitan pendekatan atau kaedah terjemahan. Antaranya adalah Munif Zariruddin Fikri Nordin dan Mohd Shabri Yusof (2015) yang menyatakan dalam kajian mereka berkaitan sistem panggilan bahawa masih terdapat sejumlah kecil terjemahan yang tidak menepati konteks kehalusan dan kesopanan masyarakat Melayu, meskipun terjemahan harfiyyah adalah sepadan. Dapatan tersebut hanya bersandar kepada empat (4) ayat al-Quran yang dikaji iaitu Surah Maryam (19) ayat 42, 43, 46 dan Surah al-Saffat (37) ayat 102. Oleh itu, kajian susulan lain yang melibatkan sampel yang berbeza masih perlu dilakukan untuk melihat sejauhmana Sheikh Abdullah Basmeih mengaplikasikan unsur kesopanan dalam menterjemahkan kata ganti nama diri Arab ke bahasa Melayu.

Satu perkara yang pasti adalah bangsa Melayu dan Arab terdiri daripada dua komuniti yang sangat jauh berbeza dari segi geografi, budaya dan peraturan penggunaan bahasa. Asmah Omar (dalam Awang Sariyan: 2007: 3) membahagikan peraturan penggunaan bahasa

kepada tiga (3) jenis iaitu peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik. Awang Sariyan (2007: 4) mendefinisikan peraturan sosiolinguistik kepada berikut:

“penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar (dalam konteks komunikasi lisan) dan antara penulis dengan pembaca (dalam konteks komunikasi tulisan)”.

Ketidakpatuhan kepada peraturan sosiolinguistik boleh menyebabkan kekaburan pada keseluruhan wacana yang berlangsung dalam sesuatu teks. Oleh itu, berdasarkan sosiolinguistik Melayu, pemilihan kata ganti nama diri perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi untuk memastikan wujudnya unsur kesantunan bahasa.

Dalam konteks terjemahan, kata ganti nama diri seharusnya perlu diterjemahkan dengan betul daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu supaya dapat menggambarkan kesantunan dalam lakuan pertuturan seseorang yang lebih rendah tarafnya dengan orang yang lebih tinggi taraf atau statusnya. Sehubungan itu, terjemahan yang betul akan memudahkan para pembaca dapat memahami maksud ayat secara jelas mengikut konteks penggunaan yang sebenar.

Objektif Dan Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian perpustakaan dan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif ini menjurus kepada analisis teks iaitu “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran” yang diterjemahkan oleh Syeikh Abdullah Basmeih. Kajian ini adalah dalam bidang linguistik terapan dengan melihat kepada teks terjemahan makna al-Quran dari sudut sosiolinguistik dan pragmatik dalam terjemahan.

Ilmu pragmatik secara dasarnya mengambilkira unsur sosiolinguistik dalam pengkajian makna. Pengkajian makna pada peringkat semantik semata-mata tidak dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dihajati oleh penutur asli (Sperber dan Wilson : 1986: 1). Penginterpretasian makna berdasarkan ilmu pragmatik adalah relevan dan lebih berkesan kerana ia mengkaji makna yang melibatkan faktor bukan linguistik. Selain itu, ilmu pragmatik juga penting dalam menyelesaikan masalah ketaksaan, kekaburan dan ketidaktentuan yang terhasil daripada ujaran yang sudah semestinya tidak boleh dilakukan dengan ilmu semantik.

Kajian ini cuba menganalisis terjemahan kata ganti nama diri Arab kepada bahasa Melayu bertujuan melihat cara penterjemahan yang digunakan oleh Syeikh Abdullah Basmeih dalam usaha menyampaikan makna ayat al-Quran. Analisis ini menggunakan kaedah deskriptif untuk melihat tiga perkara utama iaitu (a) jarak sosial individu yang terlibat dalam wacana, (b) padanan terjemahan harfiah Arab-Melayu dan (c) kesesuaian terjemahan dengan konteks masyarakat Melayu dari segi kehalusan dan kesopanan.

Kajian ini melihat kepada dua belas (12) ayat al-Qur'an yang mengandungi bentuk hubungan dari bawah (iaitu anak) ke atas (iaitu bapa). Korpus kajian adalah seperti berikut:

- 1) dialog Nabi Ibrahim a.s. dengan ayahandanya yang terdapat dalam Surah al-An'am ayat 74 dan Surah Maryam ayat 42, 43, 44, 45, dan 47.
- 2) dialog Nabi Ismail a.s. dengan ayahandanya Nabi Ibrahim a.s. yang terdapat dalam Surah al-Saffat ayat 102.

- 3) dialog Nabi Yusuf a.s. dengan ayahandanya Nabi Yaakob a.s. yang terdapat dalam Surah Yusuf ayat 4 dan 100.
- 4) dialog anak-anak Nabi Yaakob a.s. dengan baginda yang terdapat dalam Surah Yusuf ayat 11, 17 dan 85.

Unsur Kesopanan Berbahasa Dalam Sociolinguistik Melayu

Edward Sapir (1921) mendefinisikan bahasa sebagai suatu kaedah yang bukan naluri untuk manusia menyampaikan idea, emosi, dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sadar. Hall (1968: 58) pula menegaskan bahawa bahasa ialah salah satu institusi untuk manusia berkomunikasi dan berinteraksi melalui simbol-simbol lisan pendengaran yang abitrari mengikut sifatnya.

Hubungan antara bahasa dan juga masyarakat tidak dapat dipertikaikan lagi kebenarannya. Kita harus sedar bahawa pentingnya bahasa untuk menyampaikan pandangan, perasaan dan pengetahuan kepada masyarakat di sekeliling ataupun individu yang lain. Semua orang mengiktiraf kepentingan berbahasa terutama dalam interaksi antara dua penutur sama ada untuk memanggil, menyapa ataupun melahirkan buah fikiran. Pada dasarnya, apabila kita mula berinteraksi dengan orang lain perkara yang menjadi tumpuan ialah menggunakan bentuk panggilan yang mesra dan hormat kepada orang yang disapa. Itu bermakna kita menggunakan bahasa yang sopan dan santun.

Kesopanan berbahasa adalah penguasaan tentang amalan perlakuan berbahasa dalam sesebuah masyarakat ataupun budaya. Antara amalan kesopanan dalam masyarakat atau dalam budaya ialah penggunaan kata ganti nama yang sesuai supaya si penutur tidak digambarkan sebagai seseorang yang kasar atau biadab. Pada masa yang sama juga ia berperanan mengeratkan hubungan dan menimbulkan suasana mesra antara penutur dengan orang yang dilawan bertutur.

Sekiranya kesantunan berbahasa mahu dikaji maka pengguna bahasa haruslah sedar tiga perkara penting ketika berbahasa, iaitu tempat bahasa digunakan, bila berbahasa, dan kepada siapa, dan dengan siapa bahasa itu digunakan. Berdasarkan ilmu sociolinguistik, hal ini amat dipentingkan. Kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam masyarakat Melayu haruslah dipelihara dan digunakan serta dipertahankan dalam penggunaannya agar kesopanan dan kesantunan berbahasa dapat dikekalkan. Secara umumnya, orang yang pandai menggunakan bahasa yang halus dan sopan dikatakan tinggi budi bahasanya. Sementara itu, orang yang melafazkan kata-kata kasar atau kurang sopan 'dicap' sebagai biadab atau kurang ajar. Menurut Teo Kok Seong (1996: 40), kesopanan bahasa dapatlah ditakrifkan sebagai:

“Bentuk bahasa atau penggunaan bahasa yang bermaksud untuk berlaku sopan kepada orang yang diajak bercakap bagi tujuan menghormatinya, disamping memperlihatkan kehemahan pada orang yang bercakap itu agar dia dianggap sebagai berbudi bahasa”

Kesopanan bahasa boleh mewujudkan komunikasi yang berjaya dalam pengertian tidak ada pihak yang terasa tersinggung dalam proses komunikasi antara penutur dengan pendengar. Tegasnya, kesopanan berbahasa boleh ditakrifkan sebagai tahu berbahasa atau mempunyai kecekapan dalam sociolinguistik. Pengucapan atau penggunaan beberapa

perkataan tertentu diambil berat dalam budaya masyarakat Melayu agar sesuatu yang diucapkan itu tidak melanggar batas-batas kesopanan atau boleh menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan pendengar terutama berkaitan dengan sistem panggilan.

Sistem panggilan merupakan sesuatu yang dianggap penting dalam semua budaya. Fenomena yang berkaitan dengan kata panggilan dan kepentingan berbahasa tidak sahaja wujud dalam bahasa Melayu tetapi juga dalam hampir semua bahasa di dunia. Hal ini dengan jelasnya memaparkan bahawa kata panggilan yang sesuai harus dipilih sebelum diujarkan agar tidak menimbulkan perasaan yang kurang selesa semasa berkomunikasi.

Aspek sapaan bukan sahaja satu amalan yang memperlihatkan nilai kesopanan dalam pertuturan, malah merupakan suatu aspek yang amat mustahak dalam bahasa. Hal ini jelas tergambar dalam situasi sesebuah keluarga dalam masyarakat Melayu iaitu sikap hormat-menghormati memang diperlukan bagi mewujudkan suasana yang lebih harmoni. Sikap hormat menghormati ini ditonjolkan melalui penggunaan kata panggilan yang sesuai dalam kekeluargaan, misalnya kata panggilan mak, abah, abang, kakak, atuk, dan nenek.

Dalam makalah ini perbincangan adalah terarah berkaitan apakah status dan penggunaan yang sesuai berkaitan sistem panggilan 'aku' yang dilihat dalam norma masyarakat Melayu. Asmah (2009:89) menyatakan sistem panggilan 'aku' merupakan kata ganti nama diri pertama mufrad yang mempunyai bentuk yang utuh. Sebagai kata ganti nama diri pertama, 'aku' digunakan oleh penyapa untuk membahaskan diri sendiri terhadap pesapa (Kamus Linguistik, 1997:63). 'Aku' bersinonim dengan 'saya' dan juga kata ganti nama diri dialek yang lain seperti 'sepa', 'kami', 'kita', 'teman', 'sema', 'kema', 'den', 'kawan' dan 'ambo' (Hasan Muhammad Ali, 1989:508-510). Namun begitu, penggunaan 'aku' mestilah mengikut konteks yang tertentu. Penggunaan 'aku' dan juga kata ganti nama diri dialek yang lain harus digunakan dalam konteks perbualan tidak rasmi, manakala 'saya' boleh digunakan dalam konteks perbualan rasmi dan tidak rasmi (Awang Sariyan, 2007:39).

Dalam amalan keagamaan, penggunaan 'aku' merujuk kepada bahasa pendinaan yang digunakan oleh orang Islam semasa mengerjakan solat dan memohon doa kepada Allah S.W.T (Noriah Mohamed, 1998:57). Hal ini bermaksud 'aku' bukan sahaja digunakan untuk membahaskan diri sendiri kepada pesapa, tetapi juga kepada tuhan yang Maha Agung dan Maha Tinggi sifatnya. Selain itu, 'aku' juga tergolong dalam kata ganti nama diri kelainan bukan diraja dan digunakan dalam bentuk intim atau kasar (Noriah Mohamed, 1998:49; Asmah, 2009:88). Penggunaan 'aku' adalah berbentuk intim jika digunakan terhadap orang yang mempunyai hubungan rapat. Begitu juga dalam amalan keagamaan Islam, penggunaan 'aku' adalah berbentuk intim kerana membayangkan kerapatan hamba dengan Penciptanya (Idris Aman, 2010:100).

Namun begitu, penggunaan 'aku' dalam masyarakat Melayu adalah digolongkan dalam percakapan yang berbentuk kasar jika digunakan terhadap golongan yang perlu dihormati termasuklah terhadap ibu bapa, pesapa yang lebih tinggi status sosialnya dalam masyarakat dan pesapa yang lebih berusia daripada penyapa (Idris Aman, 2010:100; Teo Kok Seong, 2003:15). Hal ini menunjukkan bahawa 'aku' tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya terhadap orang yang perlu dihormati, sama ada melibatkan pesapa yang lebih berstatus atau pesapa yang lebih berusia daripada penyapa. Walau bagaimanapun, dalam kehidupan masyarakat Melayu sebenarnya terdapat penggunaan 'aku' oleh penyapa yang lebih rendah status sosialnya terhadap pesapa yang lebih tinggi status sosialnya, bahkan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua usianya.

Penggunaan ‘aku’ dalam norma masyarakat Melayu khususnya di Semenanjung Malaysia mengikut usia ini seringkali dikaitkan dengan penyapa yang lebih muda daripada pesapa kerana seharusnya dalam perbualan antara penyapa dengan pesapa yang berbeza usia, penggunaan ‘aku’ seharusnya tidak digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua daripadanya, termasuklah kepada ibu bapa sendiri. Namun begitu, di sesetengah tempat seperti di beberapa tempat di pedalaman Sabah dalam panggilan kekeluargaan penggunaan ‘aku’ ini dianggap sopan kerana penggunaan ‘aku’ sering digunakan oleh seorang anak kepada ibu dan bapanya. Kelazimannya, dalam norma masyarakat Melayu, ibu bapa wajib dihormati dan salah satu cara menghormati ibu bapa ialah dengan menggunakan bahasa yang santun, iaitu bahasa yang lemah lembut. Semasa berkomunikasi, suara hendaklah direndahkan dan sama sekali tidak boleh ditengking dan cerca. Ucapan salam ketika bertemu dan berpisah. Sentiasa mendoakan ibu bapa (di depan ibu bapa jika perlu). Berbincang dengan baik, elakkan bertekak.

Setiap agama mengkehendaki umatnya menggunakan bahasa yang sopan untuk berinteraksi sesama mereka ataupun dengan masyarakat lain. Landasan yang telah diwujudkan ini adalah bertujuan supaya umat Islam tidak menyinggung atau berlaku kurang sopan dengan orang lain ketika berbicara. Ini menunjukkan Islam adalah satu agama yang bersifat lembut dan sangat mementingkan kepada kesopanan dan kelembutan ketika bertutur.

Cara Terjemahan Kata Ganti Nama Diri Arab Ke Melayu

Setiap bahasa mempunyai tatacara penggunaan kata ganti nama diri yang mungkin berbeza dengan bahasa lain. Sebagai contoh: bahasa Inggeris dan bahasa Arab mempunyai satu kata ganti nama yang merujuk kepada diri pertama, iaitu “I” dan “أنا”. Kata ganti nama pertama dalam bahasa Melayu pula berbeza mengikut konteks sosiolinguistik bahasa tersebut, seperti saya, aku, beta dan patik. Selain itu, dalam bahasa Arab kata ganti nama berbeza mengikut gender, sebagai contoh ganti nama diri (هو) digunakan untuk maskulin manakala kata ganti nama (هي) pula untuk feminin. Ini berbeza dengan bahasa Melayu yang tidak mempunyai ciri tersebut. Bahasa Melayu menggunakan perkataan tambahan “lelaki” bagi yang berakal, atau “jantan” bagi yang tidak berakal untuk maskulin, dan perkataan tambahan “perempuan” bagi yang berakal dan “betina” bagi yang tidak berakal untuk feminin.

Kata ganti nama biasanya digunakan untuk mengetahui sistem sosial, pemikiran dan budaya sesebuah masyarakat yang menuturkan satu-satu bahasa. Menurut Brown & Gilman (dalam Mashudi & Low Bee Eng, 1993), kata ganti nama juga menunjukkan kedudukan seseorang dalam masyarakat, atau pandangan masyarakat terhadapnya, atau struktur susun lapisan masyarakat dan sistem sosial bahasa tersebut.

Kata ganti nama diri mengandungi perkataan yang merujuk diri orang tertentu iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga. Secara umumnya, kata ganti nama diri dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu terbahagi kepada tiga, iaitu:

- 1- kata ganti nama diri pertama yang dikenali dalam bahasa Arab sebagai *damir mutakallim*.
- 2- kata ganti nama diri kedua yang dinamakan *damir mukhatab* dalam bahasa Arab.
- 3- kata ganti nama diri ketiga atau *damir ghaib*.

Kata gantinama diri pertama ialah kata yang digunakan untuk menggantikan diri penutur itu sendiri manakala kata ganti nama diri kedua digunakan ketika kita sedang berbicara dengan seseorang. Kata ganti nama diri ketiga pula merujuk kepada orang yang ketiga (Zainal Abidin, 1958; Asmah, 1993).

Makalah ini memfokuskan perbincangan tentang terjemahan kata ganti nama diri pertama dan kedua antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Jadual berikut menunjukkan penggunaan kata ganti nama diri tersebut dalam kedua-dua bahasa itu.

Jadual 1: Kata Ganti Nama Diri Pertama

Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Nota
أنا	Saya - Aku –Beta – Patik –Hamba	Kata ganti nama (أنا) boleh diterjemahkan kepada beberapa bentuk padanan kata ganti nama dalam bahasa Melayu. Begitu juga (نحن) yang diterjemahkan kepada (kami) atau (kita) mengikut konteks dan situasi berbeza.
نحن	Kami – Kita	

Sumber: diambil dan diubahsuai daripada Lubna (2016)

Jadual 2: Kata Ganti Nama Diri Kedua

Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Nota
أنتَ	Awak- Kamu – Engkau – Anda – Tuanku	Kata ganti nama (أنتَ) dan (أنتِ) boleh diterjemahkan kepada beberapa bentuk padanan kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu.
أنتِ		
أنتما	Awak – Anda - Kamu (berdua)	Begitu juga dengan kata ganti nama diri (أنتن - أنتم - أنتما) yang mempunyai beberapa bentuk padanan dalam bahasa Melayu.
أنتم	Anda - Kamu (semua) Anda - Kamu (sekalian)	
أنتمن	Kalian	

Sumber: diambil dan diubahsuai daripada Lubna (2016)

Jadual 1 dan 2 menunjukkan dengan jelas bahawa terdapat perbezaan dalam bentuk penggunaan kata ganti nama diri pertama dan kedua antara bahasa Arab dan bahasa Melayu seperti berikut:

- 1- Bahasa Melayu mempunyai beberapa bentuk kata ganti nama diri pertama berbanding bahasa Arab dan digunakan mengikut konteks sosial yang sesuai. Sebagai contoh,

kata ganti nama diri pertama (أنا) boleh diterjemahkan kepada (saya – aku – beta – patik), namun padanan tersebut perlu diterjemahkan menurut konteks penggunaannya dalam masyarakat Melayu. Kata ganti nama diri kedua (أنت) atau (أنتِ) pula boleh diterjemahkan kepada (awak- kamu – engkau – anda – Tuanku).

Kata ganti nama diri (saya) sering digunakan dalam situasi formal kerana bersifat hormat dan santun manakala (aku) selalunya digunakan dengan orang yang sudah pun akrab antara satu sama lain. Penggunaan kata ganti nama diri (aku) akan menunjukkan ketidaksantunan apabila digunakan oleh mereka yang tidak mempunyai hubungan akrab atau mereka yang lebih muda atau kurang berstatus kepada mereka yang lebih tua atau lebih berstatus (Noor Fadilah & Zaitul Azma, 2016). Kata ganti nama diri (beta) dan (patik) pula digunakan sebagai kata ganti nama diri di Raja (Asmah, 1993).

- 2- Bahasa Arab mempunyai bentuk kata ganti nama diri khusus yang merujuk kepada gender, iaitu maskulin dan feminin. Sebagai contoh, kata ganti nama diri kedua (أنت) digunakan untuk maskulin dan (أنتِ) pula untuk feminin. (أنتم) pula digunakan sebagai kata ganti nama diri jamak untuk maskulin dan (أنتن) untuk feminin. Kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu tiada ciri khusus seumpama ini. Jamak di sini membawa maksud bilangan yang banyak. Konsep bilangan banyak berbeza antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Dalam konsep morfologi Melayu, banyak merujuk kepada bilangan yang melebihi satu, manakala konsep morfologi Arab banyak merujuk kepada bilangan tiga dan ke atas. Selain itu, bilangan banyak untuk kata nama Arab juga ada pelbagai jenis; iaitu (1) *jama' al-muzakkar al-salim*, (2) *jama' al-muannath al-salim* dan (3) *jama' taksir*.
- 3- Selain itu, bahasa Arab mempunyai kata ganti nama diri khusus untuk menunjukkan bilangan, seperti penggunaan kata ganti nama diri (أنت) untuk menunjukkan *mufrad* (satu), (أنتما) *muthanna* (dua) dan (أنتم) untuk jamak (melebihi dua). Dalam bahasa Melayu, bentuk kata ganti nama diri yang sama digunakan untuk menunjukkan bilangan, namun adakalanya penambahan perkataan (berdua) atau (semua) digunakan untuk bilangan melebihi seorang.

Kepentingan konteks dalam memahami makna perlu diberi perhatian terutamanya apabila melibatkan bahasa sasaran yang mempunyai struktur dan sistem sosial yang berbeza dengan bahasa sumber. Dalam terjemahan, seseorang penterjemah mesti mengambil kira konteks bahasa dan situasi dan bukan hanya mencari padanan perkataan semata-mata. Konteks setiap unit bahasa, sama ada leksikal, frasa, klausa, sintaksis dan teks, wajar diberi pertimbangan oleh setiap penterjemah dalam pemilihan padanan yang paling sesuai (Mashudi & Low Bee Eng, 1993).

Dapatan Kajian

Kategori yang dianalisis ialah kata panggilan untuk bapa dan anak serta kata ganti nama yang merujuk kepada panggilan diri pertama dan kedua untuk bapa dan anak. Semua kata

panggilan untuk bapa yang dianalisa yang terdapat dalam teks terjemahan ayat akan dihitamkan. Penulis akan meletakkan garisan di bawah kata ganti nama yang didapati tidak sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu. Penulis membahagikan analisa ini kepada empat (4) bahagian berdasarkan individu yang berbeza yang terlibat dalam dialog tersebut. Bahagian tersebut adalah seperti berikut:

Bahagian 1: Dialog Nabi Ibrahim dengan ayahandanya

Terdapat enam (6) ayat yang berkait dengan dialog antara Nabi Ibrahim dengan ayahandanya iaitu ayat 74 daripada Surah al-An'am serta ayat 42, 43, 44, 45 dan 47 daripada Surah Maryam.

Jadual 3: Dialog Nabi Ibrahim dengan ayahandanya

Bil.	Ayat al-Quran (Bahasa Sumber)	Terjemahan Ayat (Bahasa Sasar)
1	Surah al-An'am (6): ayat 74 قوله تعالى: {وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ آزرَ اتَّخِذْ أَصْنَامًا آلِهَةً إِنِّي أَرَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ }	Dan (Ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Aazar: "Patutkah ayah menjadikan berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihat mu dan kaum mu dalam kesesatan yang nyata". (hlm: 308)
2	Surah Maryam (19): ayat 42 قوله تعالى: {إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يَبْصُرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا }	Tatkala ia berkata kepada bapanya: "Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolong mu sedikit pun?" (hlm: 756)
3	Surah Maryam (19): ayat 43 قوله تعالى: {يَا أَبَتِ إِنِّي قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا }	"Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu; oleh itu, ikutlah daku; aku akan memimpin mu ke jalan yang betul." (hlm: 756)
4	Surah Maryam (19): ayat 44 قوله تعالى: {يَا أَبَتِ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا }	"Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatNya." (hlm: 757)
5	Surah Maryam (19): ayat 45 قوله تعالى: { يَا أَبَتِ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا }	"Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahmaan disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi Syaitan di dalam neraka." (hlm: 757)
6	Surah Maryam (19): ayat 47 قوله تعالى: { قَالَ سَلَامٌ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ بِي حَفِيًّا }	Nabi Ibrahim berkata: "Selamat tinggallah ayah ; aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu; sesungguhnya Ia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku. (hlm: 757)

Jarak sosial yang terdapat dalam enam (6) ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak (iaitu Nabi Ibrahim) dengan bapanya (iaitu Aazar). Dalam teks terjemahan tersebut, adakalanya Syeikh Abdullah Basmeih telah menggunakan kaedah kata demi kata (iaitu *harfiyyah*) dalam menterjemahkan kata ganti nama diri yang terdapat dalam teks sumber dan kadang-kadang beliau tidak menggunakan kaedah tersebut malah

menterjemahkannya kepada kata panggilan kekeluargaan iaitu “ayah”. Ironinya, kata panggilan “ayah” yang digunakan oleh anak dalam dialog tersebut yang terdapat pada ayat bilangan 1, 2, 4, 5 dan 6 menunjukkan tanda hormat seorang anak kepada bapanya walaupun padanan terjemahan *harfiyyah*nya adalah tidak sepadan. Ini adalah sesuai dengan konteks dan sosiolinguistik Melayu yang mementingkan unsur kesopanan dalam berinteraksi.

Secara umumnya, pembaca boleh memahami terjemahan yang telah diutarakan oleh Syeikh Abdullah Basmeih. Wajarannya penggunaan kata panggilan “ayah” telah digunakan untuk menterjemahkan kata ganti nama kedua yang terkandung dalam beberapa frasa dalam teks al-Quran tersebut sedangkan padanan terjemahan kata demi kata (*harfiyyah*) adalah “awak” atau “kamu” atau “engkau”. Penjelasan adalah seperti berikut:

	<u>Bahasa Sumber</u>	<u>Bahasa Sasar</u>
Bil. 1 Jadual 3 :	أَتَتَّخِذُ	Patutkah ayah menjadikan ...
Bil. 2 Jadual 3 :	لَمْ تَعْبُدْ	Mengapa ayah menyembah ...
Bil. 4 Jadual 3 :	لَا تَعْبُدْ	Janganlah ayah menyembah ...
Bil. 5 Jadual 3 :	أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ	Bahawa ayah akan kena azab ...
Bil. 6 Jadual 3 :	سَلَامٌ عَلَيْكَ	Selamat tinggallah ayah ...

Namun demikian, ketidaksantunan berbahasa telah berlaku dalam teks terjemahan tersebut mengikut konteks dan peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu apabila kata ganti nama diri pertama “aku” dan kata ganti nama diri kedua “mu” telah digunapakai. Penggunaan “aku” dan “mu” dalam norma masyarakat Melayu secara halusnya tidak memperlihatkan kesopanan dalam berbahasa antara anak dan ayah. Penjelasan adalah seperti berikut:

	<u>Bahasa Sumber</u>	<u>Bahasa Sasar</u>
Bil. 1 Jadual 3 :	إِنِّي أَرَاكَ وَقَوْمَكَ	Sesungguhnya aku melihat mu dan kaum mu ...
Bil. 2 Jadual 3 :	وَلَا يَغْنِي عَنْكَ شَيْئًا	Serta tidak dapat menolong mu sedikit pun ...
Bil. 3 Jadual 3 :	مَا لَمْ يَأْتِكَ	Yang tidak pernah datang kepada mu ...
	أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا	Aku akan memimpin mu ke jalan yang betul ...
Bil. 5 Jadual 3 :	إِنِّي أَخَافُ	Sesungguhnya aku bimbang ...
Bil. 6 Jadual 3 :	سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّي	Aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosa mu

Bahagian 2 : Dialog Nabi Ismail dengan ayahandanya Nabi Ibrahim

Dikemukakan di sini satu (1) ayat berkait dengan dialog antara Nabi Ismail dengan ayahandanya Nabi Ibrahim iaitu ayat 102 daripada Surah al-Saffat.

Jadual 4: Dialog Nabi Ismail dengan ayahandanya Nabi Ibrahim

Bil.	Ayat al-Quran (Bahasa Sumber)	Terjemahan Ayat (Bahasa Sasar)
1	<p>Surah al-Saffat (37): ayat 102</p> <p>قوله تعالى: ﴿فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ﴾</p>	<p>Maka tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?”. Anaknya menjawab: “Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insyaallah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar”.</p> <p>(hlm: 1189)</p>

Jarak sosial yang terdapat di akhir ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak (iaitu Nabi Ismail) dengan bapanya (iaitu Nabi Ibrahim). Di akhir dialog berkenaan terdapatnya kata panggilan kekeluargaan iaitu “ayah” menggantikan kata ganti nama diri kedua (iaitu pada *سَتَجِدُنِي*) yang mana padanan kata demi kata adalah “awak” atau “kamu” atau “engkau”.

Ironinya, kata panggilan “ayah” yang digunakan oleh anak dalam dialog tersebut menunjukkan tanda hormat seorang anak kepada bapanya walaupun padanan terjemahan harfiyyahnya adalah tidak sepadan. Ini adalah sesuai dengan konteks dan sosiolinguistik Melayu yang mementingkan unsur kesopanan dalam berinteraksi. Namun demikian, ketidaksantunan berbahasa telah berlaku dalam teks terjemahan tersebut apabila kata ganti nama diri kedua “mu” telah digunapakai. Ini kerana penggunaan “mu” dalam norma masyarakat Melayu secara halusnyanya tidak memperlihatkan kesopanan dalam berbahasa antara anak dan ayah. Seharusnya semakin jauh jarak sosial atau semakin tinggi jarak status, semakin santunlah ujaran yang perlu digunakan (Zulkifley & Naidatul, 2013).

Bahagian 3 : Dialog Nabi Yusuf dengan ayahandanya Nabi Yaakob

Terdapat dua (2) ayat berkaitan dengan dialog antara Nabi Yusuf dengan ayahandanya Nabi Yaakob iaitu ayat 4 dan ayat 100 daripada Surah Yusuf.

Jadual 5: Dialog Nabi Yusuf dengan ayahandanya Nabi Yaakob

Bil.	Ayat al-Quran (Bahasa Sumber)	Terjemahan Ayat (Bahasa Sasar)
1	<p>Surah Yusuf (12): ayat 4</p> <p>قوله تعالى: ﴿إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ﴾</p>	<p>(Ingatlah peristiwa) tatkala Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku! Sesungguhnya aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku”.</p> <p>(hlm: 542)</p>
2	<p>Surah Yusuf (12): ayat 100</p> <p>قوله تعالى: ﴿وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا وَقَالَ يَا أَبَتِ هَذَا تَأْوِيلُ رُؤْيَايَ مِنْ قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّي حَقًّا وَقَدْ أَحْسَنَ بِي إِذْ</p>	<p>Dan ia dudukkan kedua ibu bapanya (bersama-samanya) di atas kerusi kebesaran. Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf. Dan (pada sa’at itu) berkatalah Yusuf: “Wahai ayahku! Inilah dia ta’bir mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar. Dan sesungguhnya Ia telah melimpahkan</p>

<p>أَخْرَجَنِي مِنَ السِّجْنِ وَجَاءَ بِكُمْ مِنَ الْبَدْوِ مِنْ بَعْدِ أَنْ تَرَجَّ الشَّيْطَانُ بَيْنِي وَبَيْنَ إِخْوَتِي إِنَّ رَبِّي لَطِيفٌ لِّمَا يَشَاءُ إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٥٧٠﴾</p>	<p>kebaikan kepadaku ketika Ia mengeluarkan daku dari penjara; dan Ia membawa kamu kemari dari desa sesudah Syaitan (dengan hasutannya) merosakkan perhubungan antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku lemah-lembut tadbirNya bagi apa yang dikehendakiNya; sesungguhnya Dialah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (hlm: 570)</p>
---	--

Jarak sosial yang terdapat dalam dua (2) ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak (iaitu Nabi Yusuf) dengan bapanya (iaitu Nabi Yaakob). Dalam dua teks terjemahan tersebut, Syeikh Abdullah Basmeih telah menggunakan kaedah kata demi kata (iaitu *harfiyyah*) dalam menterjemahkan kata ganti nama diri pertama dan kedua yang terdapat dalam teks sumber. Penjelasan adalah seperti berikut:

	<u>Bahasa Sumber</u>	<u>Bahasa Sasar</u>
Bil. 1 Jadual 5 :	إِنِّي رَأَيْتُ	Sesungguhnya <u>aku</u> mimpi...
Bil. 1 Jadual 5 :	رَأَيْتَهُمْ	<u>Aku</u> melihat mereka...
Bil. 2 Jadual 5 :	وَجَاءَ بِكُمْ مِنَ الْبَدْوِ	Dan Ia membawa <u>kamu</u> kemari dari desa...

Padanan terjemahan *harfiyyah*nya adalah sepadan tetapi ia adalah tidak sesuai dengan konteks dan sociolinguistik Melayu yang mementingkan unsur kesopanan dalam berinteraksi. Ini kerana penggunaan “aku” dan “kamu” bagi seorang anak yang berbicara dengan seorang ayah adalah kelihatan kasar dan menggambarkan hubungan yang tidak mesra antara anak dan bapa. Walaupun demikian, secara umumnya pembaca boleh memahami terjemahan yang telah diutarakan oleh Syeikh Abdullah Basmeih. Berdasarkan kepada peraturan sociolinguistik Melayu, penulis berpandangan adalah lebih baik menukar penggunaan kata ganti nama diri pertama “aku” kepada “saya” dan kata ganti nama diri kedua “kamu” kepada kata panggilan “ayah”.

Bahagian 4 : Dialog anak-anak Nabi Yaakob dengan baginda

Terdapat tiga (3) ayat yang berkait dengan dialog antara anak-anak Nabi Yaakob dengan baginda iaitu ayat 11, 17 dan 85 daripada Surah Yusuf.

Jadual 6: Dialog anak-anak Nabi Yaakob dengan baginda

Bil.	Ayat al-Quran (Bahasa Sumber)	Terjemahan Ayat (Bahasa Sasar)
1	<p>Surah Yusuf (12): ayat 11 قوله تعالى: ﴿قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا عَلَىٰ يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَاصِحُونَ ﴿٥٤٤﴾</p>	<p>Mereka pun (pergi berjumpa dengan bapa mereka lalu) berkata: “Wahai ayah kami! Mengapa ayah tidak percaya kepada kami tentang Yusuf, padahal sesungguhnya kami sentiasa tulus ikhlas mengambil berat kepadanya? (hlm: 544)</p>
2	<p>Surah Yusuf (12): ayat 17 قوله تعالى: ﴿قَالُوا يَا أَبَانَا إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ</p>	<p>Mereka berkata: “Wahai ayah kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba berburu dan kami telah tinggalkan Yusuf menjaga barang-barang kami,</p>

	وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِنْدَ مَتَاعِنَا فَأَكَلَهُ الذِّئْبُ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ ﴿٥٤٥﴾	lalu ia dimakan oleh serigala; dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar”. (hlm: 545)
3	Surah Yusuf (12) : ayat 85 قوله تعالى: ﴿قَالُوا تَاللَّهِ تَفْتَأُ تَذْكُرُ يُوسُفَ حَتَّى تَكُونَ حَرَضًا أَوْ تَكُونَ مِنَ الْهَالِكِينَ ﴿٥٦٦﴾	Mereka berkata: “Demi Allah, ayah tak habis-habis ingat kepada Yusuf, sehingga ayah menjadi sakit merana, atau menjadi dari orang-orang yang binasa”. (hlm: 566)

Jarak sosial yang terdapat dalam tiga (3) ayat di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak-anak Nabi Yaakob dengan baginda. Dalam ketiga-tiga teks terjemahan tersebut, Syeikh Abdullah Basmeih tidak menggunakan kaedah kata demi kata dalam menterjemahkan kata ganti nama diri kedua yang terdapat dalam teks sumber, malah menterjemahkannya kepada kata panggilan kekeluargaan iaitu “ayah”. Penjelasan adalah seperti berikut:

	<u>Bahasa Sumber</u>	<u>Bahasa Sasar</u>
Bil. 1 Jadual 6 :	ما لك لا تأمنا على يوسف	Mengapa ayah tidak percaya kepada kami tentang Yusuf...
Bil. 2 Jadual 6 :	وما أنت بمؤمن لنا	Dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini ...
Bil. 3 Jadual 6 :	تفتأ تذكر يوسف حتى تكون حرصا	Ayah tak habis-habis ingat kepada Yusuf sehingga ayah menjadi sakit merana ...

Secara umumnya, pembaca boleh memahami terjemahan yang telah diutarakan oleh Syeikh Abdullah Basmeih walaupun padanan terjemahan *harfiyyahnya* adalah tidak sepadan. Wajarannya penggunaan kata panggilan “ayah” telah digunakan untuk menterjemahkan kata ganti nama diri kedua yang terkandung dalam beberapa frasa dalam teks al-Quran tersebut sedangkan padanan terjemahan kata demi kata adalah “awak” atau “kamu” atau “engkau”. Ironinya, kata panggilan “ayah” yang digunakan oleh anak-anak dalam dialog tersebut menunjukkan tanda hormat mereka kepada bapa walaupun padanan terjemahan *harfiyyahnya* adalah tidak sepadan. Ini adalah sesuai dengan konteks dan sosiolinguistik Melayu yang mementingkan unsur kesopanan dalam berinteraksi.

Penutup

Peranan seseorang penterjemah bukan hanya perlu mencari padanan yang sesuai untuk unit bahasa sesebuah teks sahaja, bahkan perlu mengambil kira konteks bahasa sasaran agar terjemahan yang dihasilkan tiada kecacatan dan keaiban, terutamanya apabila melibatkan budaya dan sosiolinguistik bahasa tersebut.

Bahasa Melayu mempunyai ciri kesantunan bahasa yang tersendiri dalam penggunaan kata ganti nama diri. Dalam terjemahan, penggunaan kata ganti nama diri ini perlu diberi perhatian oleh penterjemah untuk memelihara aspek atau ciri sosiolinguistik masyarakat Melayu yang mementingkan kesopanan dan kesantunan bahasa dalam pertuturan dan interaksi, terutamanya dalam hubungan kekeluargaan seperti antara anak dan ayah. Kegagalan menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai dan tepat dalam terjemahan boleh membawa implikasi negatif kepada pembaca bahasa sasaran yang mengambil berat penggunaan fungsi kata ganti nama sebagai ujaran beradab dalam kesantunan berbahasa.

Rumusannya, Syeikh Abdullah Basmeih kadang-kadang tidak menggunakan pendekatan kata demi kata dalam menterjemahkan kata ganti nama diri kedua, malah beliau lebih cenderung memilih penggunaan kata panggilan kekeluargaan iaitu “ayah” kerana meraikan unsur kesopanan dalam konteks dialog antara ahli keluarga. Walaupun begitu, terdapat sebahagian cara terjemahan kata ganti nama pertama adalah tidak sesuai dengan konteks sosiolinguistik masyarakat Melayu walaupun terjemahannya secara *harfiyyah* adalah sepadan. Ini membuktikan bahawa Syeikh Abdullah Basmeih tidak konsisten dalam meraikan unsur kesopanan dalam konteks sosiolinguistik Melayu.

Oleh itu, penulis menyarankan agar perhatian khusus perlu diberi kepada penggunaan kata ganti nama diri dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu sedia ada agar aspek kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu terpelihara dan tidak dipandang ringan oleh sesiapa sahaja dalam bidang penulisan mahu pun penterjemahan.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. cetakan. 12.
- Asmah Omar. 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, R.A. 1968. *An Essay On Language*. Philadelphia dan New York: Chilton Book.
- Hasan Muhammad Ali. 1989. Kesalahan Pengamalan Bahasa Dalam Konteks Kebudayaan Dan Sosial. dalam. *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*.
- Idris Aman. 2010. *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Ismail Yusoff. 1995. Perkembangan Penulisan Dan Terjemahan Kitab-kitab Tafsir di Malaysia. *Islamiyyat*. Vol. 16. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Linguistik. 1997. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lubna Abd Rahman. 2016. *Tarjamah 'Anasir al-Ittisaq fi al-Qissah al-Quraniyyah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah: Dirasah Wasfiyyah wa Tahliliyyah*. Tesis Ph.D (tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mashudi Kader & Low Bee Eng. 1993. Peranan Konteks dalam penterjemahan dan implikasinya terhadap pengajaran. Prosiding Persidangan Antarabangsa Terjemahan, 16-18 November 1993.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin dan Mohd Shabri Yusof. 2015. Sistem Panggilan Dalam Terjemahan Arab-Melayu: Analisis Tafsir Pimpinan ar-Rahman. *Jurnal Penterjemah*. Januari-Disember 2015. Jilid XVII Bil. 1 & 2. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia. 73-79.

- Noor Fadilah Dawi & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2016. Aku dalam konteks kesantunan masyarakat Lahad Datu. Dalam *Jurnal Bahasa*, Jilid 16, Bil 1, 153-180.
- Noriah Mohamed. 1998. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sapir, Edward. 1921. *Language*. New York: Harcourt Brace.
- Sperber, D. & Wilson. 1986. *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell.
- Teo Kok Seong. 1996. Penukaran kod dan bahasa: satu fenomena kedwibahasaan. *Pelita Bahasa* 8 (5): 41-43. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teo Kok Seong. 2003. Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, Jilid 3 (3): 14-23.
- Zainal Abidin Ahmad. 1958. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid & Naidatul Zamzarizam Abu. 2013. Santun bahasa dalam kalangan murid pelbagai etnik dari aspek penggunaan kata ganti nama diri. *GEOGRAFIA Online*, Malaysia Journal of Society and Space 9, Isu 4, 86-98.